

Latihan 4

Soalan 15

Pilih ayat-ayat yang betul.

15. I Bungkusan itu akan diposkan oleh saya pada petang ini.
II Berbagai cara telah dilakukan oleh pihak sekolah untuk mengurangkan masalah disiplin murid.
III Diana disenangi oleh rakan-rakannya kerana sikapnya yang baik dan peramah.
IV Penduduk Kampung Terian membaiki jambatan yang roboh itu secara gotong-royong.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Soalan 16

Pilih peribahasa yang paling sesuai bagi ayat yang berikut.

16. Apabila melakukan sesuatu pekerjaan yang baik hendaklah disudahkan sehingga sempurna.

Pernyataan di atas berkaitan dengan maksud peribahasa

- A alang-alang mandi biar basah.
B sedikit-sedikit, lama-lama menjadi bukit.
C diam-diam ubi berisi, diam-diam besi berkarat.
D kalau tak berada-ada, masakan tempua bersarang rendah.

Latihan 5

Soalan 1 hingga 5

Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Ayah Daus bekerja sebagai _____ di Hospital Besar Kuala Lumpur itu sejak sepuluh tahun yang lalu.
A guru
B doktor
C peguam
D jururawat
2. Para peserta yang menyertai program pertukaran murid diingatkan supaya sentiasa menjaga _____ ketika berada di luar negara.
A tatasusila
B tatabahasa
C tata tertib
D tatanegara
3. Ibu sedang _____ kuih lapis di dapur untuk minum petang.
A menjanak
B menjerang
C mengukus
D merebus

4. Perdana Menteri akan berangkat ke Jordan esok menaiki _____.
A kereta
B sampan
C kereta api
D kapal terbang

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah ini.



5. Shidi berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti kerana dia lulus dengan cemerlang dalam kesemua _____ yang diambil.
A mata pelajaran
B kertas kerja
C mata hati
D kertas putih